

Mahathir mahu generasi akan datang miliki pengetahuan lengkap dan nilai mulia

KUALA TERENGGANU 3 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu guru - guru menyampaikan pendidikan untuk menjadikan generasi akan datang warganegara yang memiliki pengetahuan yang lengkap dengan pengetahuan dan nilai - nilai yang mulia.

Perdana Menteri mengulangi bahawa nilai - nilai tersebut akan dapat membentuk satu bangsa yang dihormati oleh seluruh dunia.

Untuk itu, jelasnya, tugas guru bukan hanya sekadar menyampaikan pelajaran tetapi juga memerhati gerak geri murid - murid di samping memberi latihan di luar masa sekolah.

Berucap di hadapan lebih 5,000 orang penduduk ketika merasmikan Sekolah Menengah Bukit Tunggul di sini petang ini beliau menegaskan sekolah bukan tempat belajar matapelajaran asas, dan lain - lain matapelajaran tetapi tempat menyediakan anak - anak untuk menjadi rakyat yang dewasa, bertanggungjawab dan mengambil tugas ibu bapa.

Mereka bukan sahaja perlukan pengetahuan tetapi juga peribadi sesuai dan untuk itu guru - guru perlu

sampaikan kepada mereka pendidikan untuk menjadi warganegara yang lengkap dengan pengetahuan.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mahu diberikan perhatian kepada kelakuan anak - anak dan murid - murid untuk menentukan mereka menjadi rakyat yang bertanggungjawab.

Masa mereka juga perlu dipenuhi dengan kegiatan - kegiatan yang boleh membentuk peribadi yang baik yang boleh mengisi kekosongan selepas orang - orang yang dewasa meletakkan jawatan masing - masing dan mengundur diri.

Untuk mencapai hasrat ini, Perdana Menteri mahu tumpuan diberikan kepada soal - soal akhlak, nilai - nilai mulia dan aspek pembangunan jasmani dan rohani dan usaha menanam sifat yang baik kepada anak - anak.

Mengenai kebersihan, Datuk Sri Dr. Mahathir mahu ibu bapa, guru dan masyarakat mendidikkan anak - anak supaya menghargai kebersihan - kebersihan tubuh dan juga kawasan.

Beliau juga meminta ibu bapa supaya tidak terlalu melindungi anak - anak dan marahkan sekolah apabila anak - anak disuruh menyapu.